

Dua pelajar UiTM maut nahas

# Tragedi gopoh balik ke kampus

FOTO | Iktwan Munir

&gt;&gt;Oleh Hafizan Talb

am@hmetro.com.my

**B**ATU GAJAH: Akibat mengejar masa sebelum pagar kampus mereka ditutup, dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar di sini, terbunuh manakala tiga lagi cedera apabila kereta mereka terbabit dalam kemalangan di Kilometer 37 Jalan Ipoh-Lumut, Tronoh dekat sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 10.55 malam itu, kelima-kelima pelajar yang menaiki sebuah kereta Perodua Kelisa dalam perjalanan pulang ke kampus selepas membeli-belah di bandar raya Ipoh.

Dua pelajar, Mohd Azman Bidin dari Kampung Pasir Gajah, Kemaman, Terengganu dan Muhammad Nizar Zarin dari Taman Setapak Permai, Kuala Lumpur, kedua-duanya berusia 19 tahun, mati di tempat kejadian.

Tiga rakan mereka yang cedera ialah Azuan Ahmad dari Felda Jengka 12, Pahang; Hamzah Mohd Nor dari Felda Labis, Segamat, Johor dan Mohd Farhan Jaafar dari Pre-sint Lapan, Putrajaya.

Azuan yang cedera di kepala ditempatkan di Hospital Ipoh (HI) untuk rawatan lanjut, manakala Hamzah dan Mohd Farhan yang cedera ringan mendapat rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Batu Gajah (HBG).

Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Superin-



**PILU...Hasnah mengusap jenazah anaknya, Mohd Azman selepas disembahyangkan di Masjid Kampung Bukit Mentok, Kemaman, semalam.**

**“Kereta yang dipandu Mohd Azman dipinjam daripada seorang rakan, kemungkinan dipandu laju kerana mahu cepat pulang ke kampus”**

Superintendan Jaafar Mohd Yusof  
Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Gajah

tendan Jaafar Mohd Yusof, berkata kelima-lima pelajar UiTM itu pelajar tahun tiga.

Beliau berkata, kemalangan berlaku apabila kereta yang dipandu Mohd Azman bertembung dengan sebuah trailer tanpa muatan yang sedang memotong sebuah motosikal.

“Kemalangan itu menyebabkan Mohd Azman dan Muhammad Nizar yang duduk di belakang sebelah kanan tersepit dalam kereta dan cedera parah di kepala serta meninggal dunia di tempat kejadian.

“Kami mendapatkan bantuan pasukan Bomba dan Penyelamat bagi mengeluarkan

mayat mangsa yang tersepit dalam kereta itu,” katanya.

Jaafar berkata, mayat Mohd Azman dan Muhammad Nizar dihantar ke HBG untuk dibedah siasat dan sudah dituntut keluarga masing-masing pagi semalam untuk dikebumikan.

“Kereta yang dipandu Mohd Azman dipinjam daripada seorang rakan, kemungkinan dipandu laju kerana mahu cepat pulang ke kampus.

“Ini kerana kereta itu remuk teruk di sebelah kanan dilanggar trailer,” katanya.

Jaafar berkata, pemandu trailer berusia 32 tahun itu sudah membuat laporan polis.